

→ BISNES

Indeks REIT tingkat prestasi industri

[FOTO BERAMA]



Tajuddin (kanan) dan Ong memukul gong pada persmian Indeks REIT Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Indeks Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) Bursa Malaysia baharu berupaya membantu meningkatkan pertumbuhan industri itu dengan melaksanakan amalan tadbir urus lebih mampan bagi meningkatkan lagi keyakinan pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Seri Tajuddin Atan, berkata industri REIT Malaysia telah mencapai peringkat matang dan ia kini berada dalam tempoh tepat untuk melancarkan indeks itu. Beliau berkata, pihaknya pernah menilai kesediaan industri REIT Malaysia untuk indeks itu berdasarkan prestasi FBM KLCI sepanjang tiga tahun lalu.

"Hasil penilaian menunjukkan ia

boleh mengatasi Indeks Hartanah dan FBM KLCI masing-masing pada 26 peratus dan 15 peratus.

"Pelancaran Indeks REIT juga adalah selari dengan aliran di peringkat global yang mana ia kini sudah menjadi kelas aset utama buat pelabur," katanya pada majlis pelancaran indeks itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Presiden Persatuan Pengurus REIT Malaysia (MRMA), Datuk Jeffrey Ong.

Tingkat profil REIT

Tajuddin berkata, Indeks REIT yang akan mengenal pasti kesemua REIT disenarai di Bursa Malaysia itu bertujuan meningkatkan profil REIT

dan berperanan sebagai penanda aras untuk mengukur prestasi keseluruhannya.

"Pengenalan indeks itu adalah seiring dengan aliran global memandangkan REIT kini menjadi kelas aset utama untuk pelabur, terutama bagi mereka yang mahu mendapatkan pembayaran dividen tinggi," katanya.

Indeks REIT yang baru dilancarkan itu akan mengandungi 18 REIT yang disenarai di Bursa Malaysia termasuk empat yang patuh syariah.

Sehingga 30 September lalu, jumlah permodalan pasaran REIT adalah sebanyak RM44 bilion berbanding RM5 bilion pada 2007.